




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **74 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,387 kes**. Satu (1) kes kematian dilaporkan hari ini iaitu di daerah Tawau.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 105 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 52,069 orang. Sementara itu, sejumlah 656 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 230 orang di hospital, 420 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan enam (6) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 25 orang dan 12 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pada hari ini, tiada kluster baharu direkodkan.

5 Daripada 74 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 52 kes (70.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala empat (4) kes (5.4%), saringan kluster sedia ada 10 kes (13.5%) dan lapan (8) kes (10.8%) adalah dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil 4,995 unit

- Hospital 738 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,767 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 490 unit.

Peratus penggunaan katil 13.3%.

## **B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat 06 Mac 2021, Jawatankuasa COVID-19 Immunisation Task Force (CITF) melaporkan seramai 2,765 orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif 5,858 orang. Sasaran CITF ialah 42,164 orang.
- 2 Pemberian vaksin dilaksanakan mengikut enam Daerah Pusat Penerima Vaksin (PPV) masing-masing di Zon Barat Tengah (2,410), Zon Barat Daya (822), Zon Pedalaman (892), Zon Barat Laut (370), Zon Timur Laut (684), Zon Timur Laut - Sandakan (684) dan Zon Timur Laut – Tawau (360) orang.
- 3 Program Imunisasi COVID-19 Peringkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) setakat hari ini melibatkan 490 orang berbanding sasaran Fasa 1 iaitu 7,020 orang.

## **C KEBENARAN SEKTOR SUKAN DAN REKREASI**

Kerajaan Negeri bersetuju untuk **MEMBENARKAN** aktiviti sukan dan rekreasi berkuatkuasa pada **08 Mac 2021**. SOP bagi sektor ini akan dikeluarkan dalam masa yang terdekat.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **283,407** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 25 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,582 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 14 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 18 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 74 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan telah dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 493 lokasi melibatkan seramai 173 anggota APM dan 61 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu daerah Sandakan dan Semporna.
- 5 Sejumlah 113 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 16 daerah pada hari ini. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 129 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **94.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	96%
2	Kinabatangan	96%
3	Semporna	96%
4	Beluran	96%
5	Kunak	95.5%
6	Tenom	95%
7	Kudat	95%
8	Tuaran	95%
9	Kota Kinabalu	95%
10	Beaufort	95%
11	Kota Belud	95%
12	Lahad Datu	94.5%
13	Penampang	94%
14	Kota Marudu	94%
15	Ranau	94%
16	Papar	94%
17	Sandakan	94%
18	Tawau	94%
19	Keningau	93%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**Sekian.**

**#kitajagakita #normabaharu**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

**06 Mac 2021**